

API DALAM SEKAM: MENELUSURI FAKTOR PENCETUS KONFLIK PERKAUMAN MELAYU- CINA SELEPAS PENDUDUKAN JEPUN

(Discovering the Factors that Trigger Malay-Chinese Conflict after the Japanese Occupation)

Mohamed Ali Haniffa
m.ali@uum.edu.my

Nor Azlah Sham Rambely
azlah@uum.edu.my

Jabatan Tamadun dan Falsafah,
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia.

Ayu Nor Azilah Mohamad
ayunorazilah@kuis.edu.my

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan,
Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa.

Published online: 1 January 2019

To cite: Mohamed Ali Haniffa, Nor Azlah Sham Rambely and Ayu Nor Azilah Mohamad. (2019). Api dalam sekam: Menelusuri faktor pencetus konflik perkauman Melayu-Cina selepas pendudukan Jepun. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 109 – 123.

Abstrak

Artikel ini meneliti faktor yang mencetuskan ketegangan hubungan antara orang Melayu dengan Cina selepas pemerintahan tentera Jepun di Tanah Melayu. Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 mengubah landskap penjajahan British di Tanah Melayu. Imperialisme dan kolonialisme membawa kebanjiran imigran di Tanah Melayu dan kehilangan hak orang Melayu di tanah air sendiri. Pemerintahan tentera Jepun memberikan ruang kepada komunis melakukan kezaliman ketika melegitimasikan kuasa mereka. Prasangka yang berakar umbi diterjemahkan dalam bentuk konflik

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2018. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

perkauman Melayu-Cina di Tanah Melayu. Orang Melayu yang dizalimi oleh penjajah mula memikirkan kelangsungan survival bangsa. Kajian menggunakan metodologi pendekatan sejarah, rekod kolonial dan wawancara informer tempatan. Ternyata, konflik perkauman Melayu-Cina membangkitkan semangat nasionalisme orang Melayu untuk menentang penjajah.

Kata kunci: Perjanjian Pangkor, imperialisme dan kolonialisme, Jepun, pergaduhan Melayu-Cina, nasionalisme

Abstract

This paper examines the factors that have sparked tensions between the Malays and the Chinese after the Japanese military rule in Malaya. The Pangkor Treaty in 1874 had changed the British colonial landscape in Malaya. Imperialism and colonialism have led to the influx of immigrants in Malaya and the loss of the rights of the Malays in their own homeland. The Japanese military rule has given opportunity to the communists to commit tyranny, especially when legitimising their power. The prejudice feeling has turned into Malay-Chinese racial conflict in Malaya. The Malays who had been mistreated by the colonialists began to think about the nation's survival. This paper used a historical approach methodology, colonial records and interviews with local informers to study the problems that exist. It is proven that the Malay-Chinese racial conflict has had a positive impact in instilling the Malay's awareness towards nationalism.

Keywords: Pangkor Treaty, imperialism and colonialism, Japan, Malay-Chinese conflicts, nationalism

PENDAHULUAN

Imperialisme dan kolonialisme penjajah ternyata mengubah landskap Tanah Melayu. Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada tahun 1874 memberikan ruang yang secukupnya kepada British untuk menjajah Negeri-Negeri Melayu (NNM). Penaklukan British menandakan bermulanya eksploitasi kekayaan Tanah Melayu dengan membawa masuk imigran Cina dan India. Kedatangan imigran secara tidak langsungnya membawa bersama-sama budaya dan corak kehidupan dari tanah kelahiran mereka. Dasar British menyebabkan orang Melayu mula terpinggir di tanah air sendiri. Kemasukan imigran juga menyebabkan orang Melayu kehilangan peluang dan hak yang secara tidak langsung mencorakkan pola masyarakat majmuk di Malaysia.

Hal ini bertambah rumit apabila Tanah Melayu berada di bawah penjajahan Jepun. Berikutan pengunduran tentera Jepun, komunis mula meresap masuk dan berlaku reaksi tidak puas hati serta balas dendam terhadap orang Melayu. Tempoh

kekosongan kuasa selama 14 hari dan berikutnya digunakan oleh gerila *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA) dan komunis untuk mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu. Agama Islam diganggu-gugat dan membawa reaksi tidak senang terhadap orang Melayu sehingga tercetusnya pergaduhan.

Kajian ini membincangkan faktor yang mencetuskan konflik perkauman Melayu-Cina yang terburuk dalam sejarah Malaysia berikutan penjajahan British dan Jepun. Penjajahan di Tanah Melayu oleh British dan Jepun membawa kepada tercetusnya konflik yang berpanjangan, khususnya antara orang Melayu dengan orang Cina. Keadaan kian meruncing apabila pihak British dan Jepun melaksanakan dasar pentadbiran yang berat sebelah antara Melayu, Cina dengan India yang menyebabkan timbulnya perasaan prejudis dan prasangka perkauman. Dasar pentadbiran pihak British dan Jepun yang bertindak tidak adil kepada semua etnik di Tanah Melayu menyebabkan berlakunya konflik antara orang Melayu dengan Cina berikutan pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu. Oleh itu, artikel ini melihat hubungan etnik di Tanah Melayu dan konflik yang terjadi antara orang Melayu dengan orang Cina selepas pendudukan Jepun berdasarkan rekod kolonial dan wawancara bersama-sama informer tempatan.

PENJAJAHAN DAN KETEGANGAN HUBUNGAN KAUM

Hubungan antara kaum merupakan suatu aspek penting dalam kehidupan manusia. Masyarakat yang mempunyai pelbagai etnik, budaya dan agama merupakan ciri utama setiap negara di dunia pada hari ini. Antara ciri masyarakat majmuk ialah ketiadaan azam sosial bersama yang merupakan satu set nilai yang dipersetujui oleh anggota masyarakat untuk mengawal dan memberikan panduan kepada tingkah laku sosial. Masing-masing tidak mempunyai kemahuan dan tindakan bersama yang berkurangan bagi menghadapi masalah yang dialami dalam negara (Ting, 1981, p. 72). Syed Hussein al-Attas menegaskan bahawa penjajah mempunyai persepsi berbeza terhadap tiga etnik besar di Tanah Melayu. Orang Melayu dilabelkan sebagai bangsa yang malas dan tidak berdaya saing (SP98/161/1, *The Social and Psychological Roots of Communalism in Malaysia*).

Rasa tidak puas hati antara orang Melayu dengan orang Cina dalam aspek ekonomi, politik dan sosial mula berakar umbi (Sullivan, 1982, p. 15) sejak termeterainya Perjanjian Pangkor yang mengubah dasar British menjadi dasar campur tangan secara rasmi di negeri-negeri Melayu. Residen British berhati-hati meyakinkan sultan bahawa mereka turut serta mentadbir negara, namun hakikatnya, perjanjian tersebut menyebabkan sultan kehilangan kuasa sebagai

pemerintah dan hanya berkuasa dalam hal ehwal orang Melayu sahaja (Roff, 1967, p. 13).

Pemisahan etnik di Tanah Melayu dimulakan oleh British berdasarkan kepentingan ekonomi sebelum Perang Dunia Kedua (Abu Talib, 2006, p. 1). Oleh itu, tenaga imigran Cina dan India digunakan secara maksimum oleh British bagi mengaut kekayaan di Tanah Melayu (*Semangat Asia*, Bil. Khas, 15 Nigatsu, Swowa 18, 2603: 5). Jurang ekonomi, politik dan sosial antara masyarakat majmuk diperluas lagi apabila Tanah Melayu berada di bawah penjajahan Jepun (CO 537/1580, 8 Mac 1946: 16). Orang Melayu hanya berperanan sebagai penduduk peribumi dan tidak mendatangkan sebarang keuntungan dari segi ekonomi (Mansor, Abdul Rahman, Mohamad Ainuddin, 2006: 84).

Kehilangan Hak Orang Melayu

Orang Melayu mula merasai kepentingan ekonomi, politik dan sosial sejak tahun 1930-an lagi akibat kesengsaraan hidup pada peringkat akar umbi. Kesannya timbul pelbagai kritikan yang disampaikan melalui akhbar tentang sikap sultan sebagai pemimpin yang dikatakan tidak mampu melaksanakan pentadbiran dengan efisien sehingga mengakibatkan Tanah Melayu dijajah (*Seruan Ra'ayat*, 20 November 1945). Hal ini bertambah rumit apabila golongan elit Melayu hanya mempunyai sedikit peluang untuk menyertai *Malayan Civil Service* di bawah pemerintahan British. Jumlah orang Melayu yang mendapat peluang berkhidmat dengan kerajaan di tujuh buah jabatan penting kerajaan pada tahun 1938 adalah seramai 1742 orang berbanding dengan 4938 orang daripada kaum lain (Roff, 1967, p. 127).

Walau bagaimanapun, British cuba untuk menunjukkan sedikit rasa prihatin bagi mempertahankan hak orang Melayu melalui pengenalan *Malay Reservation Enactment* pada tahun 1913 (Cheah, 1983: 6). *Advisory Council* yang dianggotai oleh sultan tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan. Keprihatinan tentang kehilangan hak pemerintahan dan hak orang Melayu dikritik oleh Sultan Abdul Aziz dari Perak (CO 537/1548, 20 Februari 1946: 195 – 196). Isu ini juga dibangkitkan oleh orang Melayu dalam kongres *Peoples' Association* (WO 203/5642, 1 – 20 Disember 1945: 3).

Divide and rule British juga menyebabkan negeri-negeri Melayu dibahagikan mengikut zon kemakmuran ekonomi (CO 537/3750). Orang Eropah, Cina dan India terlibat dalam sektor ekonomi moden, manakala orang Melayu hanya terlibat dalam sektor pertanian dan penangkapan ikan yang bersifat tradisi dan rendah daya pengeluarannya. Menjelang tahun 1933, berlaku kenaikan cukai barangan import.

Orang Cina mengambil peluang yang diberikan oleh British dengan memanipulasi ekonomi secara optimum di Singapura dan Pulau Pinang. Ramai antara mereka menguasai bidang pendidikan dan menjadi golongan profesional (Khoo, 1981: 96). Kebimbangan ini disuarakan oleh golongan cendekiawan Melayu seperti Za'ba dan Ishak Haji Muhammad sejak tahun 1930-an lagi. Senario kemakmuran ekonomi yang dimiliki oleh orang Cina dilihat semakin makmur dan maju yang akhirnya menjadi suatu ancaman besar kepada situasi ekonomi dan politik orang Melayu (Cheah, 1983: 5).

Tambahan pula, sikap orang Melayu yang hanya mementingkan diri sendiri jika dibandingkan dengan orang Cina yang berusaha membantu saudara mereka yang lain turut dikritik dalam media massa (*Saudara*, 15 November 1930). Kegawatan ekonomi dunia pada tahun 1932 turut menjejaskan sektor ekonomi lain seperti perniagaan dan perdagangan di bandar utama. Aktiviti perniagaan di bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Ipoh dilaporkan merosot sebanyak 60 peratus berbanding dengan tahun 1929. Kesan kemerosotan ini dirasakan oleh orang Melayu yang berpendapatan rendah dan sederhana. Pendapatan para pekebun kecil dan petani mengalami kemerosotan secara mendadak. Sebagai contoh, anggaran pulangan bagi satu ekar tanah getah pekebun kecil jatuh daripada \$142.00 pada tahun 1929 kepada \$19.00 pada tahun 1932, iaitu kejatuhan sebanyak 86.6 peratus. Pengangguran besar-besaran dalam industri getah dan bijih timah, serta di sektor awam turut menjejaskan kehidupan kelompok buruh dan kakitangan kerajaan yang amat bergantung pada upah dan gaji (Siti Rodziah, *Akhbar Saudara*: 93).

Namun begitu, penguasaan ekonomi orang Cina di Tanah Melayu amat jelas jika dibandingkan dengan orang Melayu yang semakin terpinggir. Pelaburan orang Cina di Tanah Melayu pada tahun 1937 dianggarkan sebanyak USD 200 juta [lebih kurang £40 000 000] (Purcell, 1948: 235). Pada tahun 1931, seramai 299 orang Cina memiliki ladang yang berkeluasan 92 389 ekar yang ditanam dengan getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), manakala orang Melayu pula hanya seramai 23 orang dengan keluasan ladang sebanyak 4883 ekar. Keadaan yang sama berlaku di Negeri-Negeri Selat (NNS), Dinding dan Seberang Perai, sekali gus menggambarkan ketidakmampuan orang Melayu bersaing dengan orang Cina. Orang Cina yang mempunyai kepentingan dengan British akhirnya menjadi golongan saudagar. Pemodal Cina seramai 162 orang dengan keluasan kawasan pertanian sebanyak 52 864 ekar, manakala orang Melayu pula yang seramai sembilan orang dengan keluasan tanah ladang sebanyak 1834 ekar. Walau bagaimanapun, penguasaan ekonomi oleh orang Melayu hanya melibatkan golongan pembesar. Jumlah keseluruhan pemodal Cina dalam industri penanaman getah di NNMB, NNS, Dinding dan Seberang Perai

adalah sebanyak 461 orang dengan jumlah keluasan tanaman sebanyak 145 253 ekar. Bagi orang Cina yang mengalami masalah kekangan modal, mereka menjadi pembalak, penarik beca dan mengusahakan pertanian. Terdapat juga orang India dan Melayu yang bekerja dengan orang Cina sebagai buruh dan juga pemandu. Pelindung Orang Cina di Johor merupakan penguasa bagi pajak gadai di bawah *The Pawnbrokers Enactment (No. 36)*. Terdapat sebanyak 34 buah pajak gadai berdaftar dengan jumlah sewa tahunan berjumlah \$228 180 00. Angka ini jelas menunjukkan tahap kemewahan yang dimiliki oleh orang Cina di Tanah Melayu (*CAJ* 134/46, 1946: 2).

Kemerosotan ekonomi turut menimbulkan pelbagai masalah sosioekonomi, selain kehilangan pekerjaan dan masalah hubungan kaum. Hal yang demikian juga menyebabkan terhakisnya keyakinan penduduk Tanah Melayu terhadap British (Siti Rodziah, 2009, p. 95). Kritikan terhadap polisi British disampaikan oleh Sultan Abdul Aziz al-Mutasim Billah Shah ibni al-Marhum Raja Muda Musa dari Perak ketika Persidangan Raja-raja (DURBAR) yang diadakan di Astana (Istana) Sri Menanti pada 25 November 1939 (*CO* 717/143/18, 25 November 1939, p. 2 & 8).

Penguasaan ekonomi orang Cina juga turut berakar umbi dalam kalangan masyarakat tempatan. Di kawasan perkampungan orang Melayu di Perak, peniaga Cina menjalankan tindakan memboikot ketika menjalankan urusan jual beli barangan harian dengan orang Melayu (*CO* 537/1572, 31 Disember 1945: 45). Meskipun demikian, terdapat senario kebergantungan orang Melayu kepada peniaga Cina dari suku Hailam, Hockchew dan Hokkien yang menjadi peniaga getah dan peruncit di Mukim IV, Batu Pahat, Johor (Wawancara dengan Tuan Haji Ali Badron bin Haji Sabor). Keadaan yang tidak aman juga menyebabkan pemborong tidak mahu membekalkan barangan (*CO* 537/3750, 1 Ogos 1948, p. 15 – 16). Lantaran kemunduran dan kemiskinan, orang Melayu tidak mampu bersaing dan memajukan diri setaraf dengan golongan imigran, khususnya bangsa Cina (Ishak, 2009, pp. 222 – 223).

Tambahan pula, kesempitan hidup turut menyebabkan ladang getah yang dimiliki oleh orang Melayu dipajakan kepada orang Cina. Menjelang abad ke-20, Kerajaan Johor mengeluarkan *Rubber Card* yang membolehkan tanaman getah diusahakan oleh orang Melayu dan Cina di Mukim VII, Batu Pahat. Keadaan ini menyebabkan orang Cina berhijrah ke Mukim VII dan mengusahakan tanaman getah. Walau bagaimanapun, orang Cina sering kali mengambil kesempatan menoreh getah di kebun orang Melayu dan mengerjakan tanah pertanian orang Melayu tanpa kebenaran (*WO* 172/9773, 30 Mei 1946: 478).

Selain itu, antara faktor lain yang menyumbang ketegangan hubungan antara orang Melayu dengan orang Cina adalah berkaitan dengan status pemilikan tanah.

British memberikan tanah yang berhampiran dengan bandar kepada orang bukan Melayu. Pada tahun 1930-an, lesen *Temporary Occupational Land* (TOL) dikeluarkan bagi mengambil hati orang Cina yang berminat dalam penanaman padi. Antaranya termasuklah T. S. Adam, Residen Selangor (1932-1937) yang mengeluarkan arahan supaya tanah TOL di Selangor hanya boleh digunakan untuk menanam sayur-sayuran. Mereka dilarang menanam tanaman jangka panjang seperti kopi, kelapa atau buah-buahan. Dasar British ini hanyalah menggalakkan orang Melayu menjadi peladang kecil di kawasan kampung. Sebagai buktinya, orang Melayu hanya diberikan satu lot tanah untuk seorang atau satu keluarga. Akibatnya, orang Melayu hanya memiliki kebun getah dan kelapa yang luasnya tidak melebihi tiga ekar seorang. Orang Melayu hanya diberikan tanah yang dikategorikan sebagai Rizab Melayu (Ahmad Nazri, 1985, p. 202).

Kesempitan hidup juga menyebabkan pembesar Melayu turut terlibat dalam masalah hutang sehingga menggadaikan tanah dan harta (*Saudara*, 1 Ogos 1934). Kesempatan ini juga diambil oleh orang Cina untuk membeli Tanah Rizab Melayu di kawasan Sungai Manik, sebelum dan selepas pemerintahan Jepun. Proses pemajakan pada peringkat awal menyebabkan orang Melayu leka dengan kesenangan yang dimiliki, manakala orang Cina terus-menerus mengaut keuntungan di atas tanah milik orang Melayu (*DOLP*. 60/45, 30 Julai 1946).

Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir orang Melayu yang mahu berubah dan mula menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan dengan mencagarkan tanah pertanian mereka (*NS. SEC.* 653/1947, 22 Ogos 1947: 1). Isu pemilikan tanah pertanian dan pemeliharaan Tanah Rizab Melayu turut menjadi punca pergaduhan Melayu-Cina di perkampungan berhampiran dengan Sungai Perak, dan di beberapa buah lokasi di selatan Ipoh. Antara isu lain yang menjadi pencetus pergaduhan ialah soal pemilikan tanah sawah, pemeliharaan daerah Dinding sebagai tanah rizab Melayu dan halangan dominasi ekonomi oleh orang Cina di kawasan tersebut (*WO* 172/9773, 12 January 1946: 2), serta pergaduhan Melayu-Cina yang meletus di Dinding, Perak yang disebabkan oleh orang Cina menceroboh tanah rizab Melayu (*WO* 172/9773: 249 – 250).

Pemerintahan Jepun di Tanah Melayu

Matlamat imperialisme Jepun terserlah semenjak tahun 1937, apabila Tanah Melayu mengeksport sebanyak 60.5 juta sumber bahan mentah ke Jepun (*FO* 371/35924: 1). Berikutan itu, satu mesyuarat diadakan pada 11 Februari 1938 pada pukul 11.30 pagi bagi membincangkan kedudukan dan migrasi orang Jepun di Tanah Melayu,

khususnya yang melibatkan pertahanan di Singapura (*FO 371/35924*, 10 Mei 1938: 3). Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan sokongan masyarakat di Tanah Melayu, pegawai tentera Jepun bertindak sebagai suri teladan (*Fajar Asia*, 25 Ichigatsu 2603: 9). Ketika mengadakan satu perjumpaan tertutup di Singapura, Jeneral Tojo memberikan pujian kepada sultan dan raja-raja Melayu atas kerjasama yang diberikan sebelum dan semasa pemerintahan Jepun (*CO 273/675/12*). Meskipun sultan dan raja-raja Melayu diakui sebagai ketua di negeri masing-masing tetapi kuasa mereka hanya terhad dalam hal ehwal agama sahaja (*CO 537/1580*, 8 September 1945: 2 – 3). Polisi beragama yang lebih longgar bagi mendapatkan sokongan dalam kalangan orang Melayu dilaksanakan oleh Jepun (*Fajar Asia*, No. 5, 13 Shigatsu 2603, Tahun 1: 135). Agama Islam digunakan sebagai daya penarik bagi menyokong perjuangan Jepun (*Fajar Asia*, No. 8, 31 Gogatsu 2603: 239).

Sokongan Jepun terhadap orang Melayu menyebabkan berlakunya salah faham. Komunis beranggapan orang Melayu bersekongkol dengan pihak Jepun melakukan penindasan dan pembunuhan terhadap etnik mereka (*SUKJ. 6203/1945*, 10 Oktober 1945: 6). Perasaan benci terhadap orang Cina di Tanah Melayu bermula sebelum berlakunya penaklukan. *Malay Malayan Police Force* juga diperalatkan oleh Jepun untuk mengawal dan mengambil tindakan terhadap gerakan penentangan oleh orang Cina (Vasil, 1980: 16). Tentera Jepun juga melakukan penyamaran dan masuk ke kawasan perkampungan orang Melayu bagi melakukan kekejaman seperti pembunuhan dan merogol. Hal yang demikian juga menimbulkan prasangka dalam kalangan orang Melayu dan Cina (*PK. Sec. 2/46: Communal Disturbances*). Prasangka ini mencetuskan pergaduhan selepas Jepun menyerah kalah. Sentimen anti-Jepun oleh orang Cina juga membawa pembunuhan seramai 70 000 orang Cina di Singapura kerana Jepun melabelkan kesemua orang Cina berkenaan sebagai komunis (*CO 537/3757: 27-28*). Seramai 60 000 orang wanita Cina dirogol di Singapura, manakala lebih daripada 5000 orang wanita Cina mati akibat dirogol dan hilang ketika Singapura jatuh ke tangan tentera Jepun (*FO 371/41625*, 16 Februari 1944: 2).

Keadaan inflasi tidak terkawal dan harga barangan naik melambung di ambang kekalahan Jepun. Tentera Jepun mula menjalankan propaganda untuk melagakan orang Melayu dan orang Cina. Jepun juga membekalkan senjata kepada *Anti Japanese Union Force* (AJUF) (*WO 203/3994*, 17 September 1945: 106). Orang Cina dihasut untuk menyerang orang Melayu di Teluk Anson pada 30 Ogos 1945 (*WO 203/3994: 130*). Mereka menjual senjata secara terbuka kepada orang Cina di Ipoh (*WO 203/3994*, 3 September 1945: 139). Keadaan ini menimbulkan ketakutan kepada orang Melayu. Ketegangan hubungan kaum yang mula merebak menyebabkan seramai 80 orang Cina dibunuh di Ulu Tiram, Johor. Pembunuhan

tersebut dilakukan oleh tentera Jepun pada 14 Mac 1942. Seramai 150 orang Cina dibunuh di Parit Bakar Hill. Terdapat juga pembunuhan lain di Parit Sulong dan Teo Choo Kung. Seramai 400 orang penduduk Cina di Pekan Gelang Patah dibunuh ketika pendudukan Jepun di Johor manakala *Johore Civil Service Club* digunakan oleh Jepun sebagai markas *Gestapo* (RCJ 241/46, 28 Disember 1945).

Kezaliman Komunis

Kezaliman komunis di Tanah Melayu turut menjadi faktor pencetus merebaknya konflik perkauman Melayu-Cina. Komunis berperanan sebagai penyokong kepada British dalam usaha melakukan kerja mensabotaj, khususnya ketika pemerintahan Jepun (CO 537/3757: 27). Oleh sebab itu, *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA) memaksa penduduk kampung menjadi penyokong dengan mengenakan yuran dan membekalkan bahan makanan (Hairi, Bil. 3/4, 1973/4, 1974/5: 6). Penghulu dan ketua kampung dipaksa menjadi anggota *Anti Japanese Union Force* (AJU), dan mereka dipertanggungjawabkan mengumpul cukai daripada penduduk kampung. Walau bagaimanapun, orang Melayu pada peringkat awal terpengaruh dengan propaganda komunis kerana mereka dijanjikan peluang memerdekakan Tanah Melayu dan mempunyai pemerintahan sendiri selepas perang (WO 203/5553: 1).

Terdapat ramai orang Melayu yang dipaksa menjadi agen komunis bagi menyelamatkan nyawa penduduk kampung daripada diancam oleh komunis seperti yang berlaku di Sungai Manik, Perak dan Kampung Budu, Benta, Pahang (Wawancara dengan Tuan Haji Baharuddin bin Haji Salleh, 6 Jun 2008 dan Tuan Haji Abdullah bin Imam Nong, 30 Ogos 2012). Haji Zakaria yang merupakan seorang agen komunis di Terengganu pada tahun 1947 terpaksa menghantar laporan bulanan tentang bilangan pegawai kerajaan di Terengganu, pegawai yang melayan masyarakat dengan tidak adil dan juga bilangan senjata api yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan orang awam (CO 537/2140, 16 Julai 1947: 7). Sementara itu, di Penjom, Kuala Lipis, Pahang, orang Melayu dipaksa menghadiri mesyuarat yang diadakan oleh *Anti Japanese Union Force* (AJUF) (WO 203/4491, Oct. 45-1946 Mar.: 1). Di perkampungan Kuala Bera, Pahang, orang Melayu dipaksa untuk mengumpulkan wang dan padi. Penghulu Bera, Che Omar bin Midun pula diancam komunis agar menyerahkan 10 gantang beras dan wang sebanyak \$200 pada 4 September 1949 (*Phg. Conf.* 67/50, 17 Oktober 1949: 1).

Gerila komunis terus melakukan kezaliman dengan menangkap dan menyiksa penduduk kampung (*Berita Minggu*, 2 Oktober 2011a; *Berita Minggu*, 2 Oktober 2011b). Terdapat juga orang Melayu yang dikurung dalam kandang babi, disiksa,

ditikam, dikelar dan disepak, serta ramai yang dibawa masuk ke dalam hutan tanpa berita (*Mingguan Malaysia*, 4 September 2011). Tekanan dan kekejaman yang dilakukan oleh komunis akhirnya memberikan kesedaran kepada orang Melayu tentang kepentingan hidup bersatu padu. Kesannya, orang Melayu bangkit dan membentuk Kumpulan Parang Panjang bagi mempertahankan diri dan keluarga (*WO* 172/9773, 16 Februari 1946: 188).

Gangguan terhadap Amalan Agama Islam

Gangguan terhadap urusan amalan agama Islam turut menjadi faktor meletus dan merebaknya konflik perkauman Melayu-Cina. Masyarakat Melayu secara keseluruhannya hilang kepercayaan terhadap orang Cina apabila komunis mula mengganggu urusan agama Islam sebelum tentera Jepun menyerah kalah seperti yang berlaku di Batu Pahat, Johor. Komunis melarang orang Melayu berkumpul dan beribadat. Masjid dicemari dan al-Quran dijadikan sebagai pengesat najis (*Mingguan Malaysia*, 4 September 2011).

Selain itu, rumah ibadat orang Melayu sering kali dijadikan sebagai tempat mesyuarat orang Cina (*WO* 172/9773, 30 Mei 1946: 478). Berlainan pula di Parit 6C, Sungai Manik, komunis bertindak biadab dengan menjadikan masjid sebagai dewan drama (Wawancara dengan Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohamad Said, 6 Jun 2008). Gerila komunis menggunakan kesempatan membunuh orang Islam dengan menembak dan membakar masjid ketika mereka sedang berkumpul untuk menunaikan solat Jumaat. Masjid dicemari dengan kejadian menyembelih babi (*WO* 172/9773, 2 Februari 1946: 161).

Ruang masjid digunakan sebagai tempat memasak daging babi dan orang Melayu dipaksa untuk menyertai mereka. Kejadian ini dikatakan berlaku di kawasan masjid Air Hitam, Muar, Johor (Wawancara dengan Tuan Haji Ali bin Haji Yusuf, 19 Mac 2009) menyebabkan masyarakat setempat terganggu untuk melaksanakan ibadat. Sementara itu, di kawasan perkampungan Air Hitam, orang Melayu yang disyaki sebagai tali barut Jepun, dibunuh, dicincang lumat dan dijadikan makanan babi (Wawancara dengan Tuan Haji Jaafar bin Kamari, 18 Mac 2009). Dalam situasi yang amat tertekan, surau dan masjid menjadi tempat yang amat strategik kepada orang Islam berkumpul dan merancang strategi yang sesuai untuk menghadapi komunis. Larangan dan sekatan beribadat membuatkan orang Melayu semakin bersatu.

Walau bagaimanapun, komunis terus melaksanakan usaha bagi merekrut anggota dan mencari penyokong. Bagi memastikan ideologi komunis sentiasa meresap dan sampai kepada masyarakat, Kuomintang (KMT) mengawal sistem persekolahan

Cina (*FO 371/27751*, 28 November 1941: 1). Sekolah Melayu Bekor, Kuala Kangsar, Perak juga dijadikan sebagai pusat propaganda komunis (Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari, 20 November 2008). Taktik ini diubah suai oleh komunis berikutan polisi British yang mengharamkan keanggotaan orang Cina dalam KMT berdasarkan perjanjian dengan Kerajaan China pada tahun 1931 (*FO 371/27734*, 30 Jul. 1941: 1).

Kesatuan Sekerja dan Provokasi

Propaganda komunis melalui kesatuan sekerja turut meruncingkan hubungan kaum di Tanah Melayu (*CO 537/3755*: 10). Parti Komunis Malaya (PKM) menggunakan pengaruh terhadap kesatuan sekerja dengan menganjurkan pemogokan melalui *General Labour Union* (GLU) (*WO 203/5642*: 2). Pada 25 Disember 1940, mogok yang didalangi oleh komunis berlaku di Ladang Getah Geddes di Bahau, Negeri Sembilan, melibatkan seramai 1300 orang Cina. Mogok tersebut merebak ke Estet Tanah Merah yang terletak kira-kira 70 batu di antara sempadan Negeri Sembilan dengan Selangor pada 30 Disember 1940 (*WO 203/5302 Malaya's*, 4 – 8 Februari 1946). Mogok secara besar-besaran juga berlaku pada 29 hingga 30 Januari 1946. GLU melaporkan seramai 173 000 pekerja terlibat, terdiri daripada 120 000 orang Cina, 15 000 orang Melayu dan 15 000 orang India. Mogok juga merebak ke Johor, Negeri Sembilan dan Selangor. Sektor perkhidmatan kecuali bekalan air, elektrik dan polis turut terjejas (*WO 203/5660*, 4 – 8 Februari 1946: 6).

PKM yang didalangi oleh British juga mencetuskan persengketaan antara orang Melayu dengan Cina menerusi pengedaran poster provokasi yang bercetak. Poster berkenaan mengandungi gambar tentera British yang berdiri di atas mayat orang Cina dan mempertahankan orang Melayu di belakang dengan bersenjatakan parang panjang (*ADM/8/45*, 26 Februari 1946: 1). Pengedaran poster ini memberikan gambaran seolah-olah British menghasut orang Melayu untuk menyerang orang Cina (*ADM/8/45*: 1).

Provokasi melalui media massa mengeruhkan hubungan Melayu-Cina. Akhbar *Seruan Ra'ayat* melaporkan bahawa antara punca berlakunya konflik perkauman Melayu-Cina adalah disebabkan oleh perbuatan merompak, sombong atau mengeluarkan perkataan yang kesat (*Seruan Ra'ayat*, 14 November 1945). Akhbar *Malay Mail* pula menyiarkan rencana provokasi yang menyatakan orang Melayu berhati jahat, menyerang dan membunuh orang Cina (*Seruan Ra'ayat*, 20 November 1945). Dalam tempoh masa antara 22 Oktober 1945 sehingga 30 November 1945, penerbitan empat buah akhbar dikenakan tindakan. Antaranya dalam bentuk penyitaan dan tindakan terhadap pekerja (*CO 537/1533*, 22 Januari 1946: 73). Pada tahun 1947,

tersebar khabar angin bahawa orang Cina yang tidak dilahirkan di Tanah Melayu perlu pulang ke negara asal mereka. Khabar angin tersebut dikatakan terkandung dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu menyebabkan isu ini dipandang serius oleh orang Cina. Berita tersebut meningkatkan prasangka bahawa pemimpin Melayu seolah-olah mahu membalas dendam terhadap orang Cina (*INF.* 66/1947, 6 Okt. 1947: 72).

Budaya Kehidupan

Pembentukan masyarakat majmuk di Tanah Melayu turut membawa bersama-sama budaya kehidupan yang ternyata amat berbeza antara orang Melayu dengan orang Cina (BurrIDGE, 1951: 163). Bilangan orang lelaki Cina yang melebihi wanita membawa kepada masalah pelacuran. Rumah kongsi Cina yang terletak di kawasan perkampungan Melayu turut dijadikan sebagai rumah pelacuran. Peristiwa seperti ini pernah berlaku di Kampung Bekor, Kuala Kangsar sebelum pendudukan Jepun. Hal ini sudah tentunya menjadi suatu isu yang amat bertentangan dengan budaya dan agama Islam (Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari, 20 November 2008). Orang Cina juga menternak babi di kawasan perkampungan Melayu tanpa mengira sensitiviti agama seperti yang berlaku di Kampung Sri Mendapat, Parit VII, Batu Pahat, Johor dan di Rungkup, Perak (*DOLP.* 101/45: 1).

Tambahan pula, binatang ternakan tersebut dilepaskan berkeliaran di kawasan perkampungan dan juga masjid (*CO 537/1572*, 31 Disember 1945: 45). Isu berkaitan binatang ternakan yang dilepaskan di tanah rizab Melayu dibangkitkan oleh Penghulu Rungkup, Perak dalam Mesyuarat Penghulu pada 5 Februari 1946 (*DOLP.* 101/45, 5.2.46: 1). Antara lainnya, beliau memohon *Civil Adviser Officer* (CAO) Hilir Perak menyediakan kawasan khas bagi memudahkan orang Cina memelihara babi kerana binatang ternakan tersebut merosakkan batas dan parit, serta menjadikan kawasan persekitaran kotor dan bernajis (*DOLP.* 101/45, 27 Januari 1946: 32) yang turut berlaku di Kuala Langat, Selangor (*MU. Sec.* 7097/46, 3 Oktober 1946: 1). Peristiwa ini menyebabkan orang Melayu hilang kesabaran dan mengakibatkan berlakunya pergaduhan di Batu Pahat, Johor.

KESIMPULAN

Dasar British, pemerintahan Jepun dan tindakan komunis mencetuskan keadaan huru-hara selepas perang. Sikap prejudis dan prasangka yang sukar dibendung berakar umbi dalam kalangan etnik di Tanah Melayu. Sentimen tersebut dipupuk oleh persepsi negatif berkaitan dengan hubungan kaum sejak tahun 1930-an, umumnya

dan semasa dan selepas pendudukan Jepun, khususnya. Rasa tidak puas hati komuniti Melayu-Cina, khususnya ketika pemerintahan British dan Jepun diterjemahkan dalam bentuk pergaduhan kaum. Pergaduhan yang bermula pada peringkat kampung merebak dengan cepat ke peringkat mukim, daerah dan negeri dengan meluas dan menjadi sebahagian daripada elemen penting untuk memastikan kelangsungan hidup masyarakat Melayu.

Jelasnya, penjajahan menjadikan orang Melayu, Cina dan India terus terpinggir, manakala matlamat utama British untuk mengaut hasil bumi terus diberikan tumpuan. Pemerintahan tentera Jepun dan komunis turut menegangkan lagi hubungan antara orang Melayu dengan orang Cina. Orang Melayu berusaha mempertahankan nyawa demi kelangsungan hidup apabila agama Islam diganggu-gugat oleh komunis. Ternyata, senario kebangkitan orang Melayu memberikan inspirasi kepada penduduk Tanah Melayu untuk bangkit menentang British dan merintis usaha membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah.

RUJUKAN

- Ahmad Nazri Abdullah. (1985). *Melayu dan Tanah*. Kuala Lumpur: Media Intelek Sdn. Bhd.
- Abu Talib Ahmad. (2006, 1 – 4 Disember). Darurat dan Perpaduan antara Kaum. Persidangan Kebangsaan mengenai Dato' Onn Jaafar, Johor Bahru.
- Berita Minggu*, 2 Oktober 2011a, "Masih Dihantui Ancaman Pengganas".
- Berita Minggu*, 2 Oktober 2011b, "Tinggal Kampung Halaman Takut Kekejaman Komunis".
- Burridge, Kenelm, O. L. (1951). Racial relations in Johore. *Australian Journal of Politics and History*, II(2) Mei.
- BMA/ADM/8/45–21/2/46-30/4/46: Petition from Perak Labour Union for The Release of Chen Hoong Ming and Leong Chin Chok.
- Cheah Boon Kheng. (1983). *Red star over Malaya: Resistance and social conflict during and after the Japanese occupation of Malaya, 1941 – 1946*. Singapore: Singapore University Press.
- CAJ 134/46, 1946: 2.
- CO 273/675/12: *Future policy New Constitution, Initial Relations with Malay Sultans on The Liberation of Malaya*.
- CO 537/1533: *Policy-Chinese Affairs in Malaya*.
- CO 537/1548: *Policy: Malaya: Malay Attitude-1946*.
- CO 537/1572: *British Military Administration Malaya-Monthly Reports*.
- CO 537/1580: *Growth of Inter Racial Feeling in Malaya (SECRET)*.
- CO 537/2140: *HQ Malaya Command Fortnightly Intelligence Review No. 56, 7 Mei 1947 (SECRET)*.

- CO 537/3750: *Political Developments Review of Chinese Affairs (SECRET)*.
CO 537/3755: 10.
CO 537/3757: *Malaya: Chinese Affairs and Correspondence with Mr. H.T. Pagden-1948*.
CO 717/143/18, *Durbar of Rulers of F.M.S.*
DOLP. 60/45: (i) *Resettlements of Reguees* (ii) *Application for Agricultural Loans-13.10.45*
20.2.48.
DOLP. 101/45: *Penghulus Conference-26.11.45 – 22.12.47*.
Fajar Asia, 25 Ichigatsu 2603: 9.
Fajar Asia, No. 5, 13 Shigatsu 2603, Tahun 1: 135.
Fajar Asia, No. 8, 31 Gogatsu 2603: 239.
FO 371/27734: *1941-China, Membership of The Kuo-Min-Tang (Parliamentary Question)*,
30
Jul. 1941.
FO 371/27751: *Chinese Schools in Malaya-Control-1941*.
FO 371/35924: *Conditions in Malaya: Report-1943*.
FO 371/41625: *Special Article I Received from The South SEAS*.
Hairi Abdullah. (1973). *Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah dalam Sejarah*
Daerah Muar dan Batu Pahat, JEBAT, 3/4, 1973/4, 1974/5.
Ishak Saat. (2009). *Malaysia 1945 – 2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and
Distributors Sdn. Bhd.
INF. 66/1947, 6 Okt. 1947: 72.
Khoo Kay Kim. (1981). *Sino-Malaya Relations in Peninsular Malaysia Before 1942. Journal*
of Southeast Asian History, 12(1).
Mansor Mohd. Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. (2006).
Hubungan Etnik di Malaysia. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
Mingguan Malaysia, 4 September 2011, “Kekejaman PKM Tetap Dirasa”.
MU. Sec. 7097/46: *Stray Pigs in Malay Holdings, Minor Offences Enact. Sect. 22 (Cap 46)*.
Mingguan Malaysia, 4 September 2011
NS. SEC. 653/1947: *Complains Against The Sale During The Japanese Occupation of EMR*
1780, Mukim of Ulu Muar, by Her Late Husband, Che Jamin bin Hj. Mohd Nor.
Purcell, Victor. (1948). *The Chinese in Malaya*. London: Oxford University Press.
PK. SEC. 2/46: *Communal Disturbances*.
Phg. Conf. 67/50: *Activities of Che Omar bin Midun, Penghulu Bera with The Bandits*.
RCJ. 241/46: *Ulu Tiram Massacre and Exhumation of Dead Bodies*, 30.4.46-12.11.47.
Roff. William, R. (1967). *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
SUKJ. 6203/1945: *Outstation Reports And Correspondence Muar, 19.9.45 – 27.11.45*,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (BMA/SCAO.J) 1945.
SP98/161/1, *The Social and Psychological Roots of Communalism in Malaysia by Professor*
Dr. Syed Hussein Alatas.
Saudara, 15 November 1930.
Saudara, 1 Ogos 1934.

- Seruan Ra'ayat*, 14 November 1945, "Renchana Pengarang, Perkelahian China-Melayu".
Seruan Ra'ayat, 20 November 1945, "Fikiran Orang-Ramai, Sultan Junjongan Ra'ayat".
Semangat Asia, Bilangan Khas, 15 Nigatsu, Syowa 18, 2603 (1943).
Sullivan, Patrick. (1982). *Social relations of dependence in a Malay State: Nineteenth century Perak*. Kuala Lumpur: Art Printing Works.
Siti Rodziah Nyan. (2009). *Akhbar Saudara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Ting Chew Peh. (1981). *Konsep asas sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Vasil, R.K. (1980). *Ethnic politics in Malaysia*. New Delhi: Radiant Publishers.
WO 172/9773: War Diary.
WO 203/3994: Intelligence-Malaya (TOP SECRET).
WO 203/4491, Oct. 45-1946 Mar.: 1.
WO 203/5302: Chinese Political Parties in Malaya (TOP SECRET).
WO 203/5553: Malaya-Communist Guerillas in North Malaya (TOP SECRET and PERSONAL).
WO 203/5642: Malaya Political Climate-Interviews by British Military Admin with Sultans Aug/Dec 45.
WO 203/5660: Malaya's Political Climate Report Oct 1945-March 1946 (TOP SECRET).
Tuan Haji Ali bin Haji Yusuf (2009, 19 Mac) (Kampung Parit Maimun, Batu Pahat, Johor). Personal Interview.
Tuan Haji Abdul Azizbin Shaari (2008, 20 November) (Kampung Kubang Udang, Bekor, Kuala Kangsar, Perak). Personal Interview.
Tuan Haji Ali Badron bin Haji Sabor (2012, 22 Oktober) (Surau Jalan Omar, Batu Pahat, Johor). Personal Interview.
Tuan Haji Baharuddin bin Haji Salleh (2008, 6 Jun). (Bekas Setiausaha Am Bintang Tiga di Parit 13A, Sungai Manik, Perak). Personal Interview.
Tuan Haji Jaafar bin Kamari (2009, 18 Mac) (Kampung Parit Maimun, Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor). Personal Interview.
Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohamad Said (2008, 6 Jun) (Parit 3 B, Sungai Manik, Perak). Personal Interview.

Diperoleh (*Received*): 16 Ogos 2018

Diterima (*Accepted*): 26 September 2018